


# Dr Norizan JADI ROLE Model Anak-Anak

Masa kini telah ramai wanita menunjukkan kebolehan dalam bidang perniagaan, korporat dan sebagainya. Ada di kalangan wanita yang memilih untuk menjadi suri rumah tetapi masih memainkan peranan menambahkan pendapatan ekonomi suami dengan menjalankan perniagaan secara dalam talian dan sebagainya.

Dalam usaha membantu kaum wanita menjana pendapatan ekonomi dari rumah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia telah melaksanakan Projek Penyelidikan Memperkasa Wanita dengan ICT kira-kira lima tahun yang lalu bagi membantu wanita terlibat dalam e-dagang.

Profesor Datin Dr Norizan Abdul Razak, wanita yang bertanggungjawab melaksanakan projek tersebut kini boleh berbangga melihat penglibatan wanita dalam kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi. Malah, melalui projek berkenaan, Universiti Kebangsaan Malaysia telah melatih serta melengkapi 1,500 wanita tidak bekerja termasuk ibu tunggal dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.

Beliau yang juga merupakan Presiden E-Entrepreneurs Women Association of Malaysia (EWA) kini memegang jawatan sebagai Pengarah Pusat Komunikasi Korporat di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Walaupun sibuk dengan tugasan seharian di pejabat, wanita berusia 52 tahun ini boleh berbangga dengan kejayaan anak-anak yang dibesarkan dalam suasana penuh kasih sayang. Hasil perkongsian hidup bersama suami tersayang, Dato' Kauhar Haji Jaffar Lamri, 62 tahun, beliau dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu Dr Noor Liyana, 28 tahun, Noor Adlina, 24 tahun, Muhamad Kamil, 20 tahun dan Julena, 18 tahun.

## Anugerah Saidatina Khadijah

Setiap wanita yang bergelar ibu pada kali pertama pastinya tidak terlepas dari berhadapan dengan konflik kerjaya dan rumah tangga serta cara bagaimana membahagikan masa antara kedua-duanya. Malah Profesor Dr Norizan juga tidak terlepas dari berhadapan dengan masalah tersebut. Bergelar ibu pada usia 26 tahun, beliau amat bertuah kerana pada ketika itu, telah memulakan karier di UKM dan mempunyai suami yang sedia berganding bahu menjaga anak ketika beliau sibuk dengan kerjaya.

"Ketika menimang cahaya mata pertama antara cabaran yang saya hadapi adalah mencari pengasuh yang sesuai untuk anak. Ketika itu tidak banyak pusat asuhan kanak-kanak dibuka. Jadi, bantuan keluarga terutamanya ibu banyak membantu semasa saya keluar bekerja.

Namun begitu, sebaik sahaja pulang ke rumah, saya menjalankan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu dengan memasak untuk keluarga dan melakukan kerja-kerja rumah. Pada pandangan saya, wanita perlu bijak membahagikan masa antara karier dan keluarga barulah dapat mencapai kehidupan yang seimbang," ujar Profesor Dr Norizan yang banyak memberi inspirasi kepada kaum wanita untuk berjaya.

Pemenang Anugerah Saidatina Khadijah sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Selangor 2015 ini percaya hubungan yang rapat dengan anak-anak mampu memupuk keperibadian yang baik dalam diri mereka supaya membesar menjadi insan yang berguna untuk keluarga dan masyarakat.

"Alhamdulillah saya dikurniakan empat cahaya mata yang mempunyai hubungan yang rapat dengan saya dan suami. Anak sulung, Dr Noor Liyana kini telah mendirikan rumah tangga bersama Dr Zakwan dan bertugas di Hospital Melaka, anak kedua Noor Adlina merupakan Pengarah di sebuah syarikat konsultasi maritim. Anak ketiga pula Muhamad Kamil di tahun kedua Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dan Julena kini di peringkat Asasi di Universiti Multimedia.

Saya dan suami amat menggalakkan anak-anak untuk mencapai cita-cita mereka dan menyokong apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Sebagai ibu bapa, kami mendoakan kejayaan dan kesejahteraan buat anak-anak," ujar Profesor Dr Norizan sambil melirik ke arah anak keduanya, Noor Adlina yang setia menemani si ibu sepanjang sesi temu bual dijalankan.

Ketika ditanya mengenai bagaimana mengukuhkan hubungan kekeluargaan bersama anak-anak yang sudah dewasa, Profesor Datin Norizan dan suami mempunyai cara tersendiri untuk mengukuhkan hubungan bersama anak-anak walaupun masing-masing sibuk dengan jadual kerja dan kuliah yang perlu dihadiri.

"Sebagai ibu di zaman teknologi maklumat, kita harus bijak menggunakan kuasa teknologi untuk kekal berhubung dengan anak-anak. Melalui teknologi maklumat juga kita boleh mengetahui lingkungan rakan-rakan anak-anak. Saya menggunakan aplikasi seperti whatsapp untuk berhubung dengan anak-anak. Selain itu, kami akan sembahyang berjemaah bersama sama di waktu maghrib atau menikmati makan malam bersama sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk bertukar-tukar cerita semasa sendiri," ujar Profesor Dr Norizan sambil berkata dirinya akan dikenakan sekiranya terdapat penggunaan telefon semasa waktu makan bersama keluarga.

Sebelum mengakhiri perbualan, Profesor Datin Dr Norizan menyarankan agar wanita baik suri rumah mahupun ibu tunggal menggunakan kemudahan E-Learning untuk meningkatkan ekonomi keluarga di zaman ekonomi yang mencabar ini.

"Di Women Association of Malaysia (EWA), kami mengajar wanita cara bagaimana membuka perniagaan atas talian dan cara-cara mendaftarkan perniagaan dan sebagainya. Biar wanita mahir dalam dunia teknologi maklumat agar mereka dapat meningkatkan ekonomi keluarga terutamanya golongan ibu tunggal dan sebagainya. Kami di EWA ingin melihat wanita maju dan berjaya," ujarnya.



Powered by:
Powered by: